

Pengaplikasian *Ar-Rahnu* dalam Sistem Pembiayaan Islam: Ke Arah Muamalat Kontemporari di Malaysia

The Application of Ar-Rahnu in Islamic Financing System: Towards Contemporary Muamalat in Malaysia

Noha Sama¹ & Mohamad Aniq Aiman Alias^{1,2,*}

¹Fakulti Pengajian Islam, University College Bestari, Bandar Permaisuri, 22100, Setiu, Terengganu, Malaysia

²Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: aniqalias@usim.edu.my

ABSTRAK

Kontrak *ar-rahnu* merupakan satu skim Pajak Gadai Islam yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. Secara umumnya, perkataan *ar-rahnu* berasal daripada bahasa Arab iaitu *rahn* yang membawa maksud gadai. Kontrak *ar-rahnu* amat mementingkan amalan pajak gadai yang bebas daripada elemen-elemen yang dilarang oleh syarak seperti terdapatnya unsur *riba* dan *gharar*. Pada zaman ini, perkembangan yang pesat dalam bidang *ar-rahnu* telah mendorong lebih banyak institusi perbankan, koperasi awam dan syarikat-syarikat kewangan dalam menawarkan perkhidmatan ini. Kehadiran skim pajak gadai Islam ini telah menarik perhatian dan mendorong penyertaan masyarakat terutama golongan berpendapatan rendah. Dalam kajian ini, penyelidik akan memperjelaskan secara terperinci mengenai pengaplikasian *ar-rahnu* dalam sistem pembiayaan Islam di Malaysia dengan memberi fokus kepada konsep *ar-rahnu* menurut perspektif Islam, hukum-hukum yang wujud dalam pelaksanaan *ar-rahnu* atau gadaian serta aplikasi *ar-rahnu* pada masa kini di Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, penyelidik telah menggunakan pendekatan secara kualitatif iaitu menggunakan kaedah analisis dokumen seperti Al-Quran, hadis, jurnal, artikel, tesis, buku, kertas kerja dan rujukan dokumen yang berkaitan. Kajian ini menunjukkan bahawa, dengan wujudnya Skim Pajak Gadai Islam *Ar-Rahnu* di Malaysia, ia telah membuktikan bahawa negara ini mengambil cakna akan keperluan dan kemaslahatan rakyat melalui sistem gadaian ini. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi pilihan kepada masyarakat Islam amnya dan anggota-anggota koperasi, khususnya dalam mengatasi masalah kewangan. Dengan ini, mereka yang memerlukan pinjaman segera tidak lagi terbelenggu dengan sistem pajak gadai sedia ada konvensional yang lebih bersifat menekan dan menindas.

Received:
Jan 12, 2024

Accepted:
June 24, 2024

**Online
Published:**
June 27, 2024

Kata kunci: *Ar-Rahnu*, Gadaian, Muamalat

ABSTRACT

The ar-rahnu contract is an Islamic mortgage scheme based on Shariah principles. Generally, the word ar-rahnu comes from the Arabic language 'rahn' which means pawn. The ar-rahnu contract places great importance on the practice of pawning, which is free from elements prohibited by Syarak, such as the presence of riba and gharar elements. In this era, the rapid development in the field of ar-rahnu has encouraged more banking institutions, public cooperatives, and financial companies to offer this service. This Islamic pawnshop scheme has attracted attention and encouraged the participation of the community, especially the low-income group. In this study, the researcher will explain in detail the application of ar-rahnu in the Islamic financing system in Malaysia by focusing on the concept of ar-rahnu according to the Islamic perspective, the laws that exist in the implementation of ar-rahnu, as well as the application of ar-rahnu in the present in Malaysia. To achieve the objective, the researcher has used a qualitative approach using the document analysis method, such as the holy Quran, hadith, journals, articles, theses, books, proceeding, and related document references. This study shows that the Ar-Rahnu (Islamic Mortgage Tax Scheme) in Malaysia has proven that this country takes care of the needs and benefits of the people through this mortgage system. This can indirectly give choice to the Muslim community, and cooperative members, especially in overcoming financial problems. With this, those who need an urgent loan are no longer shackled by the existing conventional pawnbroking system, which is more oppressive and oppressive.

Keywords: *Ar-Rahnu, Mortgage, Muamalat*

PENGENALAN

Secara umumnya, *ar-rahnu* merupakan satu akad dalam bidang muamalat yang dibenarkan di dalam Islam. Menurut Ismail & Ahmad (2020), *ar-rahnu* atau pajak gadai di Tanah Melayu telah bermula sejak abad yang ke-15. Pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, pedagang-pedagang Cina telah memperkenalkan kontrak *ar-rahnu*, dan aktiviti perniagaan ini terus berkembang apabila melombong bijih timah di Larut, Perak, khususnya pada abad ke-19. Kemudian, pada tahun 1992, Kerajaan Negeri Kelantan menubuhkan kedai *ar-rahnu* yang pertama. Pada 23 Januari 1992, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT), menjadi pajak gadai Islam pertama yang ditubuhkan di Malaysia. Matlamat penubuhan Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) adalah dua segi utama iaitu: pertama, untuk membebaskan umat Islam di Terengganu daripada gejala riba yang dimanipulasi oleh sistem pajak gadai konvensional pada ketika itu; dan kedua, sebagai program untuk meningkatkan taraf sosioekonomi umat Islam di Terengganu sejajar dengan Seksyen 13 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 (MAIDAM, 2022).

Kontrak *ar-rahnu* secara umumnya merujuk kepada pelaksanaan gadai harta oleh sebab hutang seseorang. Sektor pajak gadai Islam, atau yang dikenali sebagai *ar-rahnu* di Malaysia kini

sedang berkembang pesat dan memberikan impak positif terhadap masyarakat dan sosioekonomi negara (Mohamad Hasan & Othman, 2021; Hasan & Mohd. Zain, 2021; Alkharib Shah et al., 2018). Perkembangan pesat dalam bidang *ar-rahnu* telah mendorong lebih banyak institusi perbankan, koperasi awam, dan syarikat kewangan untuk menawarkan perkhidmatan ini. Kehadiran skim pajak gadai Islam ini menarik perhatian dan mendorong penyertaan masyarakat, terutamanya golongan berpendapatan rendah (Othman & Abdullah, 2019). Walau bagaimanapun, antara permasalahan yang sering berlaku dalam kontrak *ar-rahnu* termasuk isu kepatuhan kepada prinsip-prinsip Syariah yang kadangkala diragui oleh sesetengah pihak, serta cabaran operasi dan pengurusan yang dihadapi oleh institusi kewangan Islam dalam menyediakan perkhidmatan ini (Che Harun & Mohd Razif, 2021; Shah & Yaacob, 2018). Selain itu, terdapat juga persaingan sengit dengan sistem pajak gadai konvensional yang memerlukan *ar-rahnu* untuk sentiasa berinovasi dan menawarkan nilai tambah kepada pelanggan.

Oleh itu, dalam artikel ini, penyelidik akan membincangkan mengenai pengaplikasian *ar-rahnu* dalam sistem pembiayaan Islam di Malaysia dengan membuat perbincangan terhadap konsep *ar-rahnu* menurut perspektif Islam, termasuk definisi *ar-rahnu*, konsep Syariah bagi aktiviti *ar-rahnu*, dalil pensyariaan *ar-rahnu* atau gadaian, serta rukun dan syarat-syarat *ar-rahnu*. Pada bahagian seterusnya, penyelidik juga akan membincangkan mengenai hukum-hukum yang wujud dalam pelaksanaan *ar-rahnu* atau gadaian dan meneroka aplikasi *ar-rahnu* pada masa kini di Malaysia.

Konsep Ar-Rahnu Menurut Perspektif Islam

Definisi Ar-Rahnu

Secara umumnya, perkataan "*ar-rahnu*" berasal dari bahasa Arab, iaitu "*rahn*" yang bermaksud tetap, kekal, dan jaminan (Ya'qub al-Fairuzabadi, 1998). Perkataan "*rahn*" disebut dengan jelas dalam Al-Qur'an iaitu:

﴿كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ﴾

Maksudnya: "Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk bagi amal jahat) yang dikerjakannya".

(Al-Muddaththir, 74:38)

Dari segi istilah pula, *ar-rahnu* atau gadaian bermaksud menjadikan sesuatu harta yang bernilai sebagai sandaran atau cagar kepada hutang yang boleh menggunakannya untuk membayar hutang tersebut ketika seseorang tidak dapat menjelaskan hutang (Ismail & Ahmad, 2020). Selain itu, perkataan *ar-rahnu* juga merujuk kepada sesuatu objek yang digadaikan dalam memastikan pembayaran sesuatu hutang (Al-Zuhayli, 2003). Menurut Sha'ari & Mat Zin (2022), *ar-rahnu* memberi penekanan yang besar kepada amalan pajak gadai yang bebas daripada elemen-elemen yang dilarang oleh Syariah seperti riba dan *gharar*.

Islam telah mensyariatkan amalan gadaian ini semestinya terdapat kemaslahatan dan keperluan manusia. Ia bertujuan untuk meyakinkan tuan kepunyaan hutang bahawa penghutang tidak akan lari dan jika haknya itu hilang, maka barang yang digadaikannya itu pemilik hutang boleh menjualnya dan harganya diambil sekadar jumlah yang dia berhak selain itu baki hutang tersebut akan dikembalikan kepada tuan milik barang (Mohd Zain & Abdullah, 2020; Ahmad, t.th.). Selain itu, definisi *ar-rahnu* dari sudut syarak merujuk kepada satu barang bernilai yang

digunakan sebagai jaminan dalam hutang bercagar, yang boleh digunakan untuk melunaskan hutang sekiranya tidak dapat dibayar (Mohamad, 2014).

Dalam konteks ekonomi, ia merujuk kepada satu bentuk skim mikro Kredit untuk usahawan kecil dan sederhana, di mana usahawan boleh memperoleh modal melalui *ar-rahnu* dengan menggadaikan atau mencagarkan barang berharga kepada individu atau institusi gadaian (Ashraf, 2013). Sekiranya usahawan gagal membayar balik pinjaman selepas tempoh yang ditetapkan, barang berharga yang digadaikan akan dilelong, dan pihak yang memegang gadaian hanya akan mengambil jumlah yang diperlukan untuk melunaskan hutangnya, manakala baki wang akan dikembalikan kepada pemilik asal. Oleh itu, *ar-rahnu* berperanan sebagai jaminan kepada pihak yang menerima gadaian, memastikan bahawa hak mereka terhadap hutang yang diberikan kepada penggadaai tetap terpelihara walaupun penggadaai tidak dapat memenuhi pembayaran hutang.

Konsep Syariah bagi Aktiviti *Ar-Rahnu*

Aktiviti *ar-rahnu* merupakan pajak gadaian Islam yang mempunyai beberapa pelaksanaannya yang bersandarkan kepada tiga kontrak iaitu *qardul hassan* (pembiayaan kebajikan), *al-wadiah yad dhamanah* (simpanan dengan jaminan) dan *al-ujrah* (upah). Dalam bahagian ini, penyelidik akan memperjelaskan secara terperinci berkaitan *qardul hasan*, *wadiah yad-dhamanah* dan *al-ujrah*.

Qardul Hasan merupakan pembiayaan yang tidak mengenakan apa-apa caj selain daripada pembiayaan yang telah diberikan dan tiada keuntungan yang boleh diambil oleh pembiaya terhadap peminjam (Eza, 2018). Menurut Che Man et al., (2015), perkataan *Qardul Hasan* bermaksud pinjaman yang baik dan ia merupakan manifestasi keprihatinan seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan khususnya dalam aspek kewangan.

Sejarah awal Islam juga menunjukkan, *Qardul Hasan* telah disyariatkan oleh Allah SWT lebih awal daripada zakat. Ini kerana, zakat disyariatkan pada tahun kedua selepas hijrah Rasulullah SAW ke Madinah, manakala *Qardul Hasan* disyariatkan sebaik sahaja ketibaan Rasulullah SAW di Madinah (Scoon, 2000). Ini menunjukkan bahawa Allah SWT mensyariatkan *Qardul Hasan* sebagai satu cara untuk membantu umat Islam di Madinah yang kebanyakannya hidup dalam kemiskinan. Oleh sebab itu, Allah SWT memberikan penghargaan dan ganjaran yang besar kepada pemberi *Qardul Hasan*, melebihi ganjaran yang diberikan kepada orang yang bersedekah (Alwi, 2006).

Contoh bagi *Qardul Hasan* ialah; pinjaman diberikan kepada pihak yang sangat memerlukan untuk tempoh masa tertentu tanpa sebarang bayaran faedah atau keuntungan. Penerima pinjaman hanya perlu membayar jumlah pinjaman pokok tanpa perlu menanggung sebarang caj tambahan.

Sementara itu, *Wadiah Yad-Dhamanah* merupakan sebuah konsep dalam sistem pembiayaan Islam di mana pembiaya bertanggungjawab menjaga barang yang dipajakkan, seperti emas, dengan penuh tanggungjawab (Hasan & Mohd. Zain, 2021). Dalam konsep ini, pembiaya bukan sahaja berperanan sebagai penyimpan tetapi juga bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan barang tersebut. Jika berlaku sebarang kehilangan atau kerosakan pada emas yang disimpan, pembiaya perlu menggantikan semula emas tersebut kepada pemilik asalnya. Konsep ini memberikan jaminan kepada peminjam bahawa barang yang dipajakkan mereka akan selamat di bawah jagaan pembiaya.

Sebagai contoh, seorang individu memajak seutas rantai emas kepada sebuah institusi kewangan Islam dengan menggunakan konsep *Wadiah Yad-Dhamanah*. Institusi tersebut menyimpan rantai emas tersebut dengan selamat dalam peti besi mereka. Namun, jika berlaku kejadian seperti kecurian atau kebakaran yang mengakibatkan kehilangan rantai emas tersebut, institusi kewangan tersebut wajib menggantikan semula nilai rantai emas itu kepada pemiliknya. Contoh ini menunjukkan bagaimana *Wadiah Yad-Dhamanah* memberikan jaminan tambahan kepada peminjam, memastikan barang yang dipajakkan mereka dilindungi sepenuhnya oleh pembiaya, sekaligus meningkatkan keyakinan terhadap sistem pembiayaan Islam.

Manakala *Al-Ujrah* dikenali di Malaysia adalah konsep upah. Sebagai contoh, pembiayaan dikenakan dengan caj yang kecil sebagai upah untuk menjaga emas yang dicagarkan. Dalam konteks *ar-rahnu*, *al-ujrah* merujuk kepada upah simpanan yang meliputi perlindungan takaful, gaji pekerja, kos pentadbiran, dan keuntungan bagi institusi pembiaya (Mohamad & Salleh, 2008). *Al-Ujrah* dalam konteks pembiayaan Islam di Malaysia merujuk kepada konsep upah yang dikenakan sebagai ganjaran bagi perkhidmatan yang disediakan oleh institusi kewangan kepada peminjam (Zakaria & Ab Ghani, 2015).

Sebagai contoh, dalam *ar-rahnu*, peminjam perlu membayar caj yang kecil sebagai upah untuk menjaga emas yang dicagarkan kepada institusi kewangan. Caj ini merangkumi kos-kos seperti perlindungan takaful bagi emas tersebut, gaji pekerja yang terlibat dalam pengendalian emas, kos pentadbiran, dan keuntungan yang dijana oleh institusi pembiaya. Konsep *Al-Ujrah* ini memastikan bahawa institusi kewangan mendapat ganjaran yang wajar atas perkhidmatan yang disediakan kepada peminjam, sambil memastikan pemeliharaan dan kelestarian emas yang dicagarkan.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga konsep di atas adalah merupakan satu kaedah pelaksanaan *ar-rahnu* mengikut cara-cara konsep yang tersendiri namun ia didasari *ar-rahnu* dan tidak keluar daripada batasan gadaian kerana konsep-konsep di atas bentuk pelaksanaan gadaian yang dibenarkan dalam Islam.

Dalil Pensyariatan *Ar-Rahnu* atau Gadaian

Secara umumnya, Allah S.W.T mengharuskan kontrak gadaian dalam muamalat Islam kerana ia menjadi suatu keperluan manusia di dunia. Hal ini menunjukkan manusia yang diciptakan berbagai-bagai jenis, adapun yang kaya raya dan juga fakir miskin. Hikmah pensyariatan gadaian ini dapat memenuhi keperluan manusia apabila memerlukan bantuan dari segi harta atau wang.

Pensyariatan gadaian terdapat di dalam Surah Al-Baqarah dengan firman Allah S.W.T iaitu:

﴿وَأِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَانٌ مَّقْبُوضَةٌ ۖ فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُم بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ الَّذِي
أُؤْتِيَ أَمَانَتَهُ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ ۗ وَلَا تَكْتُمُوا الشَّهَادَةَ ۗ وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ آثِمٌ قَلْبُهُ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ
عَلِيمٌ﴾

Maksudnya: “Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). Kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan

barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan”.

(Surah Al-Baqarah, 2:283)

Ayat ini menegaskan tentang keharusan amalan gadaian dalam Islam dengan mengkhususkan terutamanya bagi orang yang sedang bermusafir namun terdapat *musyaqqah* dan mereka diharuskan untuk berhutang dengan syarat meletakkan barang gadaian sebagai cagar kepada hutang. Firman Allah S.W.T lagi dalam Surah Al-Maidah:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَحْلُوا شَعَائِرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ وَلَا الْقَلَائِدَ وَلَا آمِينَ
الْبَيْتِ الْحَرَامِ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا ۚ وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوا ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ
أَن صَدُّوكُم مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا ۚ وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۚ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ
وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar-syiar agama Allah, dan mengenai bulan-bulan yang dihormati, dan mengenai binatang-binatang yang dihadiahkan (ke Makkah untuk korban), dan mengenai kalong-kalongs binatang hadiah itu, dan mengenai orang-orang yang menuju ke Baitullah Al-Haram, yang bertujuan mencari limpah kurnia dari Tuhan mereka (dengan jalan perniagaan) dan mencari keredaanNya (dengan mengerjakan ibadat Haji di Tanah Suci); dan apabila kamu telah selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari masjid Al-Haram itu - mendorong kamu menceroboh. Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya”.

(Surah Al-Maidah, 5:2)

Ayat ini menegaskan larangan bagi manusia untuk menghalalkan sesuatu yang diharamkan dengan sewenang-wenangnya, kerana Allah S.W.T. telah menetapkan garis panduan untuk setiap amalan, termasuk ibadah, akidah, muamalat, dan aspek lainnya. Ini adalah untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T bagi sesiapa yang mematuhi perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya, kerana orang yang melanggar perintah Allah S.W.T akan dikenakan azab seksaan pada hari kiamat.

Seterusnya, pada zaman Rasulullah S.A.W, amalan muamalat gadaian telah menjadi sebahagian daripada norma dalam masyarakat ketika itu. Amalan ini turut diamalkan oleh baginda Rasulullah S.A.W bersama seorang Yahudi, seperti yang diriwayatkan dalam hadis Aisyah:

اشْتَرَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ يَهُودِيٍّ طَعَامًا، وَرَهْنَهُ دِرْعًا مِنْ حَدِيدٍ

Maksudnya: “Bahawa Rasulullah saw telah membeli makanan daripada seorang Yahudi untuk suatu tempoh dan telah menggadaikan baju besi”.

(Hadis Riwayat Bukhari, No. 2088)


Hadis ini membincangkan tentang amalan dan hukum gadaian dalam Islam adalah diharuskan kerana amalan ini telah pun berlaku pada zaman Nabi Muhammad S.A.W lagi dan bukan amalan yang baru wujud pada akhir zaman ini. Berdasarkan kepada dalil-dalil yang telah dikemukakan di atas menunjukkan bahawa, *ar-rahnu* atau gadaian adalah diharuskan di dalam Islam.

Rukun dan Syarat-Syarat *Ar-Rahnu*

Menurut Dato’ Seri Haji Hassan b. Haji Ahmad iaitu bekas mufti Pulau Pinang dalam penulisan beliau yang bertajuk “*Kaedah dan Peraturan Pajak Gadai Mengikut Kehendak Islam*”, kontrak dalam pelaksanaan *ar-rahnu* terdapat lima rukun yang perlu dipenuhi untuk melengkapi amalan gadaian dan setiap rukun itu ada syarat-syarat yang tertentu (Ahmad, t.th.). Rukun-rukun yang dimaksudkan adalah seperti mana berikut:

Rajah 1

Rukun-Rukun Ar-Rahnu



Sumber: Ahmad H (t.th.)

Rukun-rukun tersebut mempunyai syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk menjadikan kontrak *ar-rahnu* tersebut menjadi sah. Rukun yang pertama iaitu penggadai (*Aqidan*) dan pemegang gadaian (*Al-Murtahin*). Dalam erti kata lain dua pihak yang berkontrak. Penggadai bermaksud orang yang berhutang dan bertanggungjawab membayar hutang tersebut kepada penerima gadaian, manakala penerima gadaian adalah pemilik hutang yang telah diberikan kepada penggadai dan beliau telah diamanahkan dalam memegang barang gadaian tersebut. Seterusnya, syarat bagi penggadai dan pemegang gadaian adalah mestilah seorang yang berakal yang bermaksud sihat daripada gila atau mabuk dan baligh yang boleh telah mencapai kematangan serta seseorang itu merupakan orang yang tidak dilarang untuk menguruskan harta benda (*mahjur a'laih*) atau dikenali sebagai *mukallaf* iaitu boleh membezakan antara baik dan buruk. Ini bermakna gadaian tidak akan sah dilakukan oleh kanak-kanak, walaupun mereka telah mumaiyyiz, kerana mereka tidak mempunyai kelayakan untuk memikul tanggungjawab tersebut. Selain itu, orang yang tidak cakap menguruskan harta dengan baik digelar sebagai orang Safih dan dilarang menguruskan harta benda. Oleh itu, kedua-dua pihak perlu menjalankan gadaian secara sukarela tanpa tekanan daripada mana-mana pihak, kerana kontrak gadaian tidak akan sah dilakukan jika salah satu pihak terpaksa.

Seterusnya, *sighah* iaitu lafaz kontrak merupakan ucapan gadaian yang oleh penggadai dan pemegang gadaian bagi membuktikan persetujuan dan penerimaan agadaian tersebut oleh kedua-dua pihak. Syarat bagi rukun *sighah* ini seperti lafaz seorang penggadai itu dengan berkata “*saya gadaikan rumah saya ini dengan hutang yang saya ambil daripada anda*” lalu pemegang gadaian itu pun menjawab “*saya setuju*”. Harta gadaian dan hutang itu tidak akan menjadi halal sekiranya salah satu pihak melakukan gadaian dengan tidak sukarela. Selain itu, gadaian juga boleh dilakukan oleh orang bisu dengan syarat mereka melaksanakan rukun *sighah* dengan bahasa isyarat dan menulis untuk menunjukkan bahawa mereka setuju dengan gadaian dan setuju menerima gadaian tersebut.

Selain itu, barang gadaian (*Marhun*) iaitu cagaran hutang penggadai yang telah diserahkan kepada penerima gadaian. Para ulama *fiqh* telah menetapkan beberapa syarat untuk membuat gadaian menjadi sah. Contohnya, barang tersebut haruslah dalam bentuk harta benda dan bernilai. Gadaian tidak boleh dilakukan jika melibatkan perkhidmatan yang bersifat servis atau tenaga, kerana jenis perkhidmatan ini tidak boleh digunakan sebagai cagaran atau disimpan seperti harta. Selain itu, barang yang digadaikan haruslah wujud ketika kontrak gadaian dilakukan dan diiktiraf oleh syarak, kerana akad gadaian melibatkan persetujuan kedua belah pihak dalam satu majlis. Terdapat beberapa barang yang tidak boleh digadaikan, seperti anak kambing yang belum dilahirkan (kerana tidak wujud semasa kontrak dilakukan), anjing, dan khinzir yang jelas diharamkan dalam Islam. Jika seseorang yang sedang berihram ketika musim haji atau umrah berhasrat untuk memburu haiwan dan menjadikannya sebagai gadaian, maka itu tidak sah. Sama juga dengan menggadaikan burung yang sedang terbang, kerana haiwan ini tidak dapat diserahkan.

Akhir sekali, rukun hutang (*Marhun Bihi*) merupakan hak penerima gadaian yang harus dibayar oleh penggadai. Pertama, nilai hutang dinilai dalam mata wang yang sah, seperti dirham dan dinar, yang boleh digunakan sebagai bentuk hutang yang sah. Selain itu, syarat hutang tersebut mesti telah ditanggung oleh penggadai sebagai tanggungjawabnya untuk melunaskannya kepada penerima gadaian. Sebagai contoh, apabila seorang pembeli bersetuju untuk membeli kasut dengan harga RM250 dan membayarnya selepas sebulan, dengan menggunakan beg sebagai gadaian untuk hutang tersebut, kedua-dua pihak perlu memahami jumlah dan sifat hutang tersebut.

Para ulama *fiqh* bersepakat bahawa, *ar-rahnu* atau gadaian itu akan menjadi sempurna apabila barang yang digadaikan itu diterima oleh pemegang gadaian dan wang yang diperlukan telah diterima oleh penggadai. Seterusnya, bagi barang gadaian yang merupakan barang tidak boleh alih seperti tanah, maka cukup keatas penggadai dengan menyerahkan geran tanah tersebut kepada pemegang gadaian sebagai cagaran hutang (Ahmad, t.th.). Selain itu, barang gadaian itu mestilah dimiliki sepenuhnya secara hukum oleh penggadai maka kedua pihak telah terikat. Hal ini bertepatan dengan dalil dari surah Al-Baqarah ayat 283 yang telah dibincangkan oleh penyelidik pada bahagian sebelumnya. Oleh itu, apabila hutang tersebut tidak dapat dilangsaikan oleh penggadai, maka barang gadaian itu boleh dijual untuk melangsaikan hutang dan jika terdapat lebih wang maka pemegang gadaian perlu serahkan kembali kepada penggadai itu.

Hukum-Hukum yang Wujud Dalam Pelaksanaan *Ar-Rahnu* atau Gadaian

Menurut *fuqaha'* empat mazhab *fiqh*, telah dipersetujui bahawa hukum gadaian atau *ar-rahnu* adalah diharuskan dalam Islam, sama ada semasa dalam perjalanan atau tinggal tetap. Para *fuqaha'* juga menyatakan bahawa gadaian dalam berhutang bukanlah suatu kewajipan, tetapi

ia disyariatkan kerana berperanan sebagai ganti atau jaminan terhadap hutang yang diberikan kepada seseorang, memastikan bahawa hutang tersebut akan dibayar semula. Allah S.W.T. telah memerintahkan untuk melakukan gadaian semasa dalam keadaan musafir, seperti yang disebutkan dalam Surah al-Baqarah ini:

Firman Allah S.W.T:

﴿وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَانٌ مَّقْبُوضَةٌ ۖ فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُم بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ الَّذِي
أُؤْتِمِنَ أَمَانَتَهُ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ ۗ وَلَا تَكْتُمُوا الشَّهَادَةَ ۗ وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ آثِمٌ قَلْبُهُ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ
عَلِيمٌ﴾

Maksudnya: “Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). Kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan”

(Surah Al-Baqarah 2: 283)

Pendapat empat mazhab dalam pelaksanaan gadaian dalam hutang:

Mazhab Hanafi

Dalam mazhab hanafi, gadaian dalam hutang diharuskan sama ada ketika musafir ataupun ketika bermuqim. Buktinya adalah apabila baginda Nabi Muhammad S.A.W sendiri pernah melakukannya ketika baginda bermuqim di Madinah. Selain itu, Mazhab Hanafi juga menekankan bahawa gadaian dalam hutang harus dilakukan dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam syariah, seperti kejelasan jumlah hutang dan jaminan yang dijadikan gadaian (Ahmad, t.th.). Mazhab Hanafi juga menegaskan bahawa pemilik gadaian harus menjaga harta tersebut dengan baik dan mengembalikannya kepada pemilik asalnya apabila hutang telah dilunaskan (Mohd Noor, 2017). Pendekatan Mazhab Hanafi dalam urusan gadaian dalam hutang menunjukkan keberpihakan kepada prinsip keadilan dan kepatuhan terhadap ajaran Islam dalam menyelesaikan masalah hutang.

Mazhab Maliki

Dalam Mazhab Maliki juga, gadaian dalam hutang adalah diharuskan hukumnya sama ada pada ketika musafir atau bermuqim. Justeru itu, setiap perkara yang diharuskan oleh syarak untuk dijual belikan, maka ia juga harus untuk dijadikan sebagai harta gadaian kerana ia tetap bernilai. Selain itu, Mazhab Maliki juga menekankan bahawa gadaian dalam hutang harus dilakukan dengan penuh kehati-hatian dan keadilan, serta memastikan bahawa harta yang dijadikan gadaian tetap bernilai dan dapat dipulangkan kepada pemiliknya dengan sempurna (Ismail & Ahmad, 2020). Pendekatan Mazhab Maliki juga menunjukkan keberpihakan terhadap nilai-

nilai keadilan dan kehati-hatian dalam menjalankan transaksi hutang, sejajar dengan prinsip-prinsip Islam yang menggalakkan sikap bertanggungjawab dalam urusan keuangan.

Mazhab Syafi'e

Menurut al-Syīrāzi dan al-Syarbīni (r.h), harus melaksanakan aktiviti gadaian sama ada ketika dalam musafir atau bermuqim. Pendapat mazhab Syafi'e juga sama dengan pendapat mazhab-mazhab lain iaitu diharuskan kerana baginda Nabi Muhammad S.A.W sendiri pernah melakukannya ketika baginda berada di Madinah. Selain itu, Mazhab Syafi'e juga menekankan bahawa gadaian dalam hutang harus dilakukan dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam syariah, seperti kejelasan jumlah hutang dan jaminan yang dijadikan gadaian.

Mazhab Hanbali

Menurut Āli Bassām dan al-Maqdisi (r.h), aktiviti gadaian ini diharuskan ketika dalam keadaan musafir atau bermuqim. Mazhab Hanbali juga menegaskan keharusan pelaksanaan gadaian dalam hutang, sama ada seseorang dalam keadaan musafir atau bermuqim. Mereka berpendapat bahawa gadaian adalah satu amalan yang dibenarkan dalam Islam dan boleh dilakukan dalam pelbagai keadaan (Ismail & Ahmad, 2020). Pendapat ini sejajar dengan pandangan mazhab-mazhab lain dalam Islam yang juga membenarkan gadaian dalam hutang. Pendekatan Mazhab Hanbali menunjukkan penekanan terhadap pematuhan terhadap ajaran Islam dalam hal urusan hutang, serta menekankan pentingnya keadilan dalam setiap transaksi yang dilakukan.

Oleh itu, kesemua pendapat empat mazhab di atas menunjukkan bahawa *ar-rahnu* atau gadaian adalah diharuskan oleh syarak sama ada ketika musafir atau bermukim kerana amalan ini telah wujud ketika zaman Rasulullah S.A.W lagi dan ia masih diperlukan oleh masyarakat sehingga kini.

Aplikasi Ar-Rahnu Pada Masa Kini di Malaysia

Kontrak *ar-rahnu* yang dikenali sebagai skim pajak gadai Islam, telah digunakan di Malaysia. Ia merupakan salah satu usaha perkhidmatan kewangan yang patuh syariah dan tidak asing dalam kalangan masyarakat di negara ini. Skim pajak gadai Islam ini bermula pada tahun 1992 dengan penubuhan Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan terus maju sehingga kini (Hisham et al., 2013).

Aktiviti *ar-rahnu* atau skim pajak gadai Islam di Malaysia telah berkembang pesat dan secara tidak langsung memberikan impak yang sangat positif kepada masyarakat tempatan serta sistem ekonomi negara. Hal ini telah membuktikan bahawa kemajuan aktiviti *ar-rahnu* telah menjadi dorongan kepada institusi perbankan, koperasi awam dan syarikat-syarikat kewangan untuk menawarkan perkhidmatan skim pajak gadai Islam dan secara tidak langsung ia juga telah menarik perhatian ramai orang terutamanya golongan yang berpendapatan rendah (Che Harun & Mohd Razif, 2021; Othman & Abdullah, 2019).

Menurut Abdul Razak et al., (2017), sejarah Islam membuktikan bahawa aktiviti pajak Ar-Rahnu telah wujud sejak zaman Rasulullah S.A.W, di mana baginda sendiri terlibat dalam aktiviti ar-rahnu. Dari sudut pemikiran Faudziah & Rosemaliza (2002), ar-rahnu dianggap sebagai satu kaedah pinjaman kecil yang tidak melibatkan sebarang faedah, riba, atau bunga bagi penghutang.

Selain itu, konsep skim *ar-rahnu* telah dilaksanakan oleh beberapa institusi ar-rahnu di Malaysia, termasuk Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT), Tekun Nasional Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), dan Bank Rakyat. Maklumat mengenai institusi-institusi ini telah dihuraikan dalam jadual di bawah:

Jadual 1

Institusi Ar-Rahnu di Malaysia

Institusi <i>Ar-Rahnu</i> di Malaysia	Konsep <i>Ar-Rahnu</i>	Huraian
Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT)	i. Ar-Rahnu	i. Pajak gadai Islam
	ii. Al-Wadiah Dhamanah	ii. Simpanan dengan jaminan
	iii. Al-Qardhul Hasan	iii. Pembiayaan kebajikan
	iv. Al-Ijarah	iv. Upah
Tekun Nasional	i. Qard	i. Digunakan dalam pembiayaan gadaian kepada pelanggan.
	ii. Rahn	ii. Pelanggan mencagarkan emas untuk tujuan mendapatkan pinjaman.
	iii. Wadiah Yad Dhamanah	iii. Digunakan apabila <i>Ar-Rahnu</i> Tekun menyimpan emas.
	iv. Ujrah	iv. Upah simpanan emas diberikan kepada pelanggan berdasarkan nilai emas dan tempoh simpanan.
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)	i. Ijarah Al-Khadamat	i. Merupakan kontrak sewaan perkhidmatan.
	ii. Musawamah	ii. Merujuk kepada jual beli aset tanpa pendedahan kos pembelian dan keuntungan kepada pembeli.
	iii. Wakalah	iii. Menjadi perwakilan atau wakil yang mengendalikan, memelihara, dan menjamin sesuatu urusan.
	iv. At-Tawarruq	iv. Urusniaga muamalah yang melibatkan dua peringkat, iaitu pembelian aset antara pembeli dan penjual. Kemudian, pihak pembeli akan menjual aset kepada pihak ketiga, melibatkan penglibatan tiga pihak yang tiada kaitan antara satu sama lain.
	v. Ar-Rahn	v. Barang berharga dijadikan sandaran yang terikat dengan pembiayaan bercagar, yang boleh digunakan untuk membayar hutang sekiranya hutang tersebut tidak dilunaskan.

Bank Rakyat	i. Murabahah ii. Rahn iii. Wakalah	i. Bank menerima amalan Tawarruq, di mana ia membeli komoditi dari pembekal dengan harga kos, kemudian menjualnya kepada pelanggan pada harga jualan secara tertangguh. Bank, melalui perwakilannya (wakalah), menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai dan memasukkan jumlah tersebut ke dalam akaun pelanggan secara tunai. ii. Aset digunakan sebagai cagaran atau jaminan untuk pembiayaan. iii. Bank bertindak sebagai wakil bagi pelanggan untuk membeli komoditi tersebut daripada bank lain.
-------------	--	--

Sumber: Sha'ari & Mat Zin (2022)

Berdasarkan jadual 1 di atas, institusi *ar-rahnu* di Malaysia memainkan peranan penting dalam menyediakan alternatif pembiayaan yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. Pelbagai institusi seperti Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT), Tekun Nasional, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), dan Bank Rakyat telah mengaplikasikan konsep *ar-rahnu* melalui pelbagai mekanisme seperti *Al-Wadiah Yad-Dhamanah*, *Al-Qardhul Hasan*, *Al-Ijarah*, dan *Murabahah*. Setiap institusi ini menawarkan perkhidmatan yang disesuaikan dengan keperluan masyarakat, seperti pajak gadai Islam, simpanan dengan jaminan, pembiayaan kebajikan, dan upah simpanan. Selain itu, konsep-konsep seperti *Musawamah*, *Wakalah*, dan *Al-Tawarruq* turut digunakan untuk memastikan transaksi berjalan dengan adil dan mematuhi hukum Syariah. Dengan adanya pelbagai pilihan dan mekanisme ini, *ar-rahnu* bukan sahaja memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan pinjaman segera tetapi juga memastikan transaksi kewangan dilakukan tanpa unsur riba dan penindasan.

Isu, Cabaran Dan Keperluan Pelaksanaan *Ar-Rahnu* Pada Masa Kini di Malaysia

Pelaksanaan *ar-rahnu* di Malaysia pada masa kini menghadapi beberapa isu, cabaran, dan keperluan yang perlu diberi perhatian untuk memastikan keberkesanan dan keberlanjutan program ini. Salah satu isu utama adalah pemahaman dan kesedaran masyarakat terhadap konsep *ar-rahnu*. Walaupun *ar-rahnu* merupakan satu bentuk pembiayaan Islam yang sah dan berpotensi memberi manfaat kepada masyarakat, namun masih terdapat kekurangan dalam pemahaman tentang konsep ini. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang kelebihan dan keistimewaan *ar-rahnu* dalam konteks pembiayaan Islam.

Cabaran lain yang dihadapi adalah aspek peraturan dan pematuhan terhadap prinsip-prinsip Syariah dalam pelaksanaan *ar-rahnu*. Institusi kewangan perlu memastikan bahawa semua transaksi *ar-rahnu* mematuhi prinsip-prinsip Syariah yang telah ditetapkan. Ini termasuklah memastikan bahawa harta yang digadaikan adalah halal, serta caj dan syarat-syarat pembiayaan adalah jelas dan adil bagi peminjam (Shah & Yaacob, 2018). Selain itu, institusi kewangan juga perlu memastikan bahawa proses pengurusan risiko yang cekap dan berkesan dilaksanakan bagi memastikan kestabilan dan keberlanjutan program *ar-rahnu* (Sha'ari et al., 2021).

Keperluan untuk penambahbaikan infrastruktur dan teknologi juga menjadi faktor penting dalam pelaksanaan *ar-rahnu* pada masa kini. Institusi kewangan perlu melengkapkan diri dengan infrastruktur dan teknologi yang moden bagi memudahkan urusan pelaksanaan *ar-rahnu* (Sha'ari et al., 2021). Ini termasuklah sistem pengurusan maklumat yang cekap, perisian yang memudahkan pengurusan transaksi, dan kemudahan digital bagi memudahkan aksesibiliti kepada perkhidmatan *ar-rahnu*. Dengan meningkatkan infrastruktur dan teknologi, institusi kewangan dapat meningkatkan kecekapan operasi dan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

Selain itu, perlu juga diberi perhatian kepada peningkatan kualiti perkhidmatan dan peluang pendidikan kepada masyarakat tentang *ar-rahnu* (Shah & Yaacob, 2018). Institusi kewangan perlu memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan berdaya saing bagi menarik lebih ramai orang untuk menggunakan perkhidmatan *ar-rahnu*. Selain itu, pendidikan dan kesedaran tentang *ar-rahnu* perlu ditingkatkan melalui kempen-kempen penerangan dan penyelidikan yang berkaitan untuk memastikan masyarakat memahami sepenuhnya konsep dan manfaat *ar-rahnu*.

Pada penelitian menyelidik, pelaksanaan *ar-rahnu* pada masa kini sangat memerlukan pemahaman yang lebih baik dalam kalangan masyarakat, pematuhan yang tinggi terhadap prinsip-prinsip Syariah, penambahbaikan infrastruktur dan teknologi, peningkatan kualiti perkhidmatan, dan pendidikan masyarakat yang lebih efektif. Dengan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian, kontrak *ar-rahnu* dapat terus menjadi satu instrumen pembiayaan yang relevan dan memberi manfaat kepada masyarakat dalam jangka masa panjang.

KESIMPULAN

Secara rumusannya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan *ar-rahnu* atau gadaian dari segi definisi, pandangan ulama', hukum gadaian, syarat-syarat, dan pengaplikasian gadaian di negara Malaysia. *Ar-rahnu* merupakan salah satu bentuk aktiviti yang melibatkan harta atau wang iaitu bidang muamalat Islam. Aktiviti gadaian ini sangat masyhur dalam kalangan masyarakat terutamanya di Malaysia sehingga tertubuhnya Skim Pajak Gadai Islam yang berlandaskan syariat Islam. Kajian ini menunjukkan bahawa, dengan wujudnya Skim Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu di Malaysia, ia telah membuktikan bahawa negara ini mengambil cakna akan keperluan dan kemaslahatan rakyat melalui sistem gadaian ini. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi pilihan kepada masyarakat Islam, amnya dan anggota-anggota koperasi, khususnya dalam mengatasi masalah kewangan. Dengan ini, mereka yang memerlukan pinjaman segera tidak lagi terbelenggu dengan sistem pajak gadai sedia ada konvensional yang lebih bersifat menekan dan menindas. Selain dari itu, kemudahan ini selaras dengan dasar dan prinsip perjalanan sistem berkoperasi, tolong-menolong dan bantu-membantu antara satu sama lain terutamanya orang Islam di negara ini. Harapan penyelidik agar dengan adanya sistem Pajak Gadai Islam ini lebih memberi kesan yang efektif kepada rakyat dan tiada penindasan yang berlaku sesama manusia serta mementingkan kemaslahatan masyarakat berbanding dengan kepentingan sendiri dan semakin maju kearah yang lebih baik.

PENGHARGAAN

Penghargaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya Fakulti Pengajian Islam, University College Bestari (UCB) dan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang telah memberi kerjasama, sokongan dan bantuan kemudahan dalam menyiapkan kajian ini.

RUJUKAN

Al-Quran.

- Abdul Razak, A., Muhammad, F., Mohd Hussin, M. Y., Zainol, Z., Abd. Hadi, F. S. (2017). The Role of Ar-Rahn in Enhancing Financial Inclusion: A Structural Equation Modeling Approach. *Jurnal Pengurusan*, 50, 97–109.
- Ahmad, H. (t. th). Kaedah dan Peraturan Pajak Gadai mengikut Kehendak Islam. *Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang*. Diambil daripada <https://mufti.penang.gov.my/index.php/2014-11-12-02-4839/penerbitan/buku/320-buku-kaedah-dan-peraturan-pajak-gadai-mengikutkehendakislam/file>
- Alkharib Shah, A., Musa, N., & Yaacob, S. E. (2018). Tadbir Urus dan Pengawalseliaan Ar-Rahnu di Malaysia: Bidang Kuasa Siapakah?: Governance and Ar-Rahnu Supervision in Malaysia: Whose Jurisdiction?. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 30(2), 236-262.
- Alwi, S. F. (2006). *Pembiayaan Hutang dalam Perbankan Islam*. Shah Alam: UPENA.
- Al-Zuhayli. (2003). *Financial Transactions in Islamic Jurisprudence*. Dar al Fikr: Damascus, SY.
- Ashraf, H. (2013). Ar-Rahnu (Gadaian). *Islamic Muamalat*. Diambil daripada <https://hafizashraf.blogspot.com/2013/09/al-rahnu-gadaian.html>
- Che Harun, S. H., & Mohd Razif, N. F. (2021). Isu-Isu Syariah di dalam Produk Al-Rahn di Perbankan Islam di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 55-78.
- Che Man, N., Abd Wahab, N. A., & Ab Hamid, N. (2015). Pemeraksanaan Qard Al-Hasan sebagai Produk CSR dalam Membangunkan Masyarakat Islam di Alam Melayu. *International Conference on Malay Heritage and Civilisation 2015 (ICOMHAC 2015)*, Institut Pengurusan Integriti Negeri Kedah Darul Aman (INSPIN) and Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah, 227-239. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/35672/1/35672.pdf>
- Eza. (2019, Januari 18). “Ketahui apa itu Ar-Rahnu, dan mengapa ianya lebih baik daripada pembiayaan peribadi”. *Majalah Libur*. <https://www.majalahlibur.com/kewangan/pembiayaan/ar-rahnu-lebih-baik-daripada-pembiayaan-peribadi/>
- Faudziah. Z. A., & Rosemaliza. A. (2002). *Pajak Gadai Malaysia*. Dalam Landskap kewangan 2002. (pp. 115-131). Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Hasan, A., & Mohd. Zain, N. R. (2021). Ar-Rahnu: Isu dan Penyelesaian Semasa: Ar-Rahnu: Current Issues and Solutions. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(1), 47-60.
- Hasan, A., & Mohd. Zain, N. R. (2021). Ar-rahnu: Isu dan Penyelesaian Semasa. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(1), 47-60.
- Hisham, S., Abdul Shukor, S., Ummi Salwa, A. B., & Jusoff, K. (2013). The Concept and Challenges of Islamic Pawn Broking (Ar-Rahnu). *Middle-East Journal of Scientific Research 13 (Research in Contemporary Islamic Finance and Wealth Management)*, 98-102.
- Ya'qub al-Fairuzabadi, M. (1998). *Al-Qamus Al-Muhit*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ismail, M. H., & Ahmad, A. (2020). Gadaian : Hukum dan Perbezaan Antara Sistem Al-Rahnu Dengan Sistem Konvensional. *International Journal of Muamalat*, 4(1), 244-255.
- MAIDAM. (2022). “*Sejarah Ar-Rahnu MAIDAM*”. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. <https://www.maidam.gov.my/index.php/perkhidmatan-kami/wakaf-dan-sumber-am/ar-rahnu>
- Mohamad Hasan, R., & Othman, N. (2021). Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) di Malaysia: Isu dan Cabaran Pelaksanaannya di Malaysia. *Proceeding of International Conference On*

- Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference.* (pp. 523-533). <http://conference.kuis.edu.my/iconsyal/images/eprosiding/1056.pdf>
- Mohamad, M. (2014). *Ar Rahnu: Penerimaan dalam Kalangan Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)*. (Tesis Sarjana). Universiti Utara Malaysia.
- Mohamad, S., & Salleh, S. (2008). Upah Simpan Barang dalam Skim Ar-Rahnu: Satu Penilaian Semula. *Jurnal Fiqh*, 5, 47-65.
- Mohd Noor, U. M. (2017, Mac 24). "Al-Kafi #595 : Adakah tanah yang pernah dicagar perlu difaraid?". Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/909-al-kafi-595-adakah-tanah-yang-pernah-dicagar-perlu-difaraid>
- Mohd Zain, N. I., & Abdullah, L. (2020). Hukum Gadaian Harta Intelektual menurut Perspektif Fiqh. *Jurnal KIAS*, 13(1), 27-51.
- Othman, A., & Abdullah, A. (2019). Al-Rahnu Development in Malaysia: A Case of Al-Rahnu Institution under the Terengganu Islamic Religious and Malay Customs Council. *International Journal of Islamic Business*, 4(1), 54-64.
- Scoon, F. (2000). *Qard al-Hasana-Towards Relation*. Dalam A. S. et.al, *Anthology of Islamic Banking*. London: Institute of Islamic Banking and Insurance.
- Sha'ari, H., & Mat Zin, N. F. (2022). Konsep, Rukun & Manfaat Skim Ar-Rahnu kepada Usahawan Wanita: Concepts, Pillars & Benefits of Ar-Rahnu Scheme for Women Entrepreneurs. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 7(45), 129-140.
- Sha'ari, H., Mat Zin, N. F., & Abdullah, A. (2021). Peranan dan Cabaran Institusi Ar-Rahnu dalam Membantu Usahawan Mikro Wanita. *RABBANICA*, 2(2), 29-48.
- Shah, A. A., & Yaacob, S. E. (2018). Cabaran dan Alternatif Penyelesaian bagi Penyedia Perkhidmatan Ar-Rahnu di Malaysia. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 1, 31-43.
- Zakaria, M. U., & Ab Ghani, A. M. Pembiayaan Kenderaan berkonsepkan Al-Ijarah Thumma Al-bay' (Aitab) di Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Isu-Isu Berkaitan. *Jurnal Syariah*, 23(3), 437-476.